

# Konvokesyen UTHM mampu jadi tarikan pelancongan

BATU PAHAT 21 Okt. - Keunikan perarakan 'Town & Gown' sempena konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini sewajarnya dijadikan sebagai satu tarikan untuk tujuan pelancongan.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Wahab Ridwan berkata, UTHM merupakan satu-satunya universiti tunggal di Semenanjung yang mengadakan perarakan konvokesyen sedemikian.

"Bagaimanapun saya berpendapat ia perlu dilakukan secara besar-besaran dan dengan promosi yang lebih meluas.

"Dengan jumlah alumni UTHM melebihi 15,000 orang setelah 20 tahun sejarah penuhannya, ia mampu menggamit nostalgia mereka sepanjang pengajian di sini justeru berpotensi dijadikan produk pelancongan pada skala lebih besar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Perarakan Town & Gown sempena majlis Konvokesyen UTHM Ke-12 dan Ulang Tahun Ke-20 universiti itu di sini semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Prof.



AB. WAHAB RIDWAN

Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly dan Penndaftar UTHM, Sulam Hamid.

Menurut Mohd. Noh, perarakan itu bertujuan memaklumkan kepada penduduk tentang penganjuran Konvokesyen UTHM Ke-12 pada 3 dan 4 November ini selain simbolik hubungan erat antara warga universiti dan masyarakat setempat.

"Perarakan konvokesyen yang juga dikenali sebagai 'Communiiversity Celebration' merupakan amalan turun temurun universiti ternama seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti St. Andrews dan Universiti Michigan Ann Arbor," katanya.

Perarakan Town & Gown di negara ini diadakan buat pertama kali di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ketika Mohd. Noh menjadi Naib Canselor di universiti itu dan beliau kemudiannya memperkenalkan perarakan itu di UTHM.

Kira-kira 1,000 peserta menyertai perarakan kali keempat itu yang bermula pukul 8.30 malam tadi dari Jalan Rahmat ke



ALUMNI UTHM turut menyertai Perarakan Town & Gown sempena Majlis Konvokesyen UTHM Ke-12 di Batu Pahat, kelmarin.

Dataran Penggaram yang diserikan pelbagai acara termasuk pertunjukan bunga api dan persembahan penyanyi, Ramlah Ram.

Tetamu-tetamu kehormat turut diarak menuju pentas lintas hormat di Jalan Rahmat dengan menaiki beca berhias yang dihadangkan khas dari Melaka.

Kemuncak perarakan itu membabitkan pembacaan pengisytiharan konvokesyen oleh Sulam sebelum skrol konvokesyen diserahkan kepada Ab. Wahab.

## 2,775 pelajar UTHM bakal bergraduasi

Oleh HAMDAN TAWADI  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 21 Okt. - Seramai 2,775 graduan bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing sempena Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), pada 3 dan 4 November ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, graduan-graduan itu merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Doktor Falsafah seramai tujuh orang, Sarjana (370), Sarjana Muda (2,074) dan Diploma (324).

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen yang akan berlangsung pukul 9 pagi, 3 November ini.

"Sementara itu, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim selaku Pro Canselor UTHM dijangka menyempurnakan sidang ketiga majlis konvokesyen pada 4 November," katanya pada sidang akhbar majlis konvokesyen itu di sini hari ini.



MOHD. NOH DALIMIN

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly, Pendaftar UTHM, Sulam Hamid dan Pegawai Daerah, Ab. Wahab Ridwan.

Pada majlis itu, Mohd. Noh turut menyampaikan replika tajaan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* bernilai RM2,800 kepada Eksekutif Pemasaran Utusan, Ahmad Hatim Mohd. Said Putra. Akhbar tersebut akan diedarkan kepada orang ramai pada majlis konvokesyen itu.

Mohd. Noh berkata, konvokesyen kali ini bakal menyaksikan penganugerahan Prof. Emeritus kepada Prof. Ir. Mohammad Zainal Md. Yusuf bagi menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan khususnya di UTHM.

Katanya, Mohammad Zainal merupakan dekan pertama di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) UTHM dan berkhidmat untuk jawatan itu sehingga persaraan wajib perkhidmatan awam pada Mac 2006 dan kini meneruskan khidmat

sebagai profesor kontrak di fakulti sama.

"Beliau juga menyandang beberapa jawatan penting seperti mentor untuk jurutera siswazah dan merupakan panel pemerkasa kelayakan jurutera profesional Institusi Jurutera Malaysia (IEM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)."

"Selain itu beliau adalah ahli panel penilai

Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC), Pengurus Jawatankuasa Buku Teks Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Ahli Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JPTS) Kementerian Sumber Manusia," katanya.

Mohd. Noh berkata, UTHM turut menjemput orang ramai mengunjungi pesta konvokesyen di padang kawad universiti itu

bermula 2 hingga 7 November ini.

Katanya, pelbagai acara telah diatur antaranya, karnival kerjaya, pertandingan kompang terbuka 1Malaysia, debat 3,108 minit tanpa henti, kursus fotografi, malam kebudayaan, seminar pengurusan kewangan, majlis kesyukuran graduasi dan pelbagai gerai jualan.